

30/07/1997

Malaysia, Zimbabwe meterai dua MoU

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe malam semalam menghadiri majlis memeterai dua perjanjian persefahaman (MoU) membabitkan kerjasama syarikat kedua-dua negara.

MoU pertama ialah di antara Persatuan Polis Republik Zimbabwe (ZRPA) dan ZimMal-Promet Ltd (ZPPL) dari Malaysia bagi pembinaan kuarters polis dan pembangunan semula kuarters polis sedia ada di kem ZRPA.

Ia membabitkan pembangunan 10,000 unit kediaman dan kemudahan lengkap untuk kuarters baru dan lama di beberapa lokasi di Zimbabwe.

Persetujuan itu dicapai menerusi perjanjian yang ditandatangani di antara Pengerusi ZRPA Osborn Mawere, manakala ZPPL oleh pengerusi eksekutifnya, Dr Hassan Mohd Ali serta disaksikan Menteri Alam Sekitar dan Pelancongan Zimbabwe, S K Mayo dan Pengerusi Promet Bhd, Tan Sri Mohd Ngah Said.

MoU kedua pula membabitkan usaha sama ZimMal Transport Pvt Ltd (ZT) dan Zimbabwe Automotive Industries (ZAI) menandatangani perjanjian persefahaman mewujudkan syarikat Zimbabwe Automotive Manufacturer Ltd (ZAM).

Syarikat baru itu ditubuh berasaskan pembahagian ekuiti 75 peratus dimiliki ZT, manakala selebihnya oleh ZAI.

(END)